

### Soalan Lazim: Pelanjutan Tarikh Kematangan pada Tahun 2015

**S1: Saya mendapati Tarikh Kematangan akaun pembiayaan saya telah dilanjutkan selepas pihak Bank melaksanakan satu penyemakan pada tahun 2015. Mengapakah pihak Bank melanjutkan Tarikh Kematangan akaun saya?**

J1: Pada bulan Mei/Jun 2015, pihak Bank telah menyemak akaun pembiayaan anda. Kami mendapati bahawa berdasarkan jumlah ansuran pada masa itu, akaun pembiayaan anda tidak akan dapat selesai dibayar dalam tempoh yang tertunggak disebabkan oleh aliran IFR yang semakin meningkat.

Oleh yang demikian, berikut adalah pendekatan terbaik yang diambil oleh pihak Bank untuk membolehkan akaun pembiayaan ini selesai dibayar sepenuhnya:

1. Melaraskan tempoh pembiayaan (tempoh maksimum sehingga 35 tahun).
2. Tidak melebihi 70 tahun bagi umur untuk pelanggan/pelanggan utama/bersama (yang mana lebih muda) pada akhir tempoh yang masih tertunggak.
3. Menyemak semula jumlah ansuran berdasarkan tempoh pembiayaan yang diselaraskan (jika perlu).

Jika dua daripada kriteria pertama dapat dipenuhi, tempoh pembiayaan telah diselaraskan untuk tidak meningkatkan beban kewangan anda yang disebabkan oleh peningkatan jumlah ansuran yang tinggi.

**S2: Saya mendapati bahawa tempoh pembiayaan semasa saya adalah melebihi 35 tahun. Adakah saya perlu menjelaskan tunggakan pembiayaan saya sepenuhnya pada tahun yang ke-35?**

J2: Tidak. Anda boleh membayar mengikut Tarikh Kematangan Asal.

**S3: Apakah Tarikh Kematangan akaun pembiayaan saya jika Tarikh Kematangan Asal saya telah luput?**

J3: Tarikh Kematangan yang Disemak akan terpakai kepada akaun anda. Anda perlu meneruskan pembayaran ansuran semasa sehingga Tarikh Kematangan yang Disemak.

**S4: Bagaimanakah Tarikh Kematangan Asal dikira?**

J4: Metodologi pengiraan yang betul untuk mengira Tarikh Kematangan Asal adalah berdasarkan Tarikh Ansuran yang pertama + Tempoh Ansuran yang diluluskan.

Sebagai contoh:

Tarikh Ansuran yang pertama = 01 Jun 2006

Tempoh Ansuran yang diluluskan (seperti dalam Surat Tawaran) = 25 tahun

Tarikh Kematangan Asal = 01 Mei 2031

*(Nota: Perubahan kepada Tarikh Kematangan tidak akan menjasikan baki tertunggak akaun hartaanah.)*



**S5: Saya mendapati bahawa Tarikh Kematangan saya telah disemak semula. Mengapakah saya tidak menerima surat pemberitahuan daripada pihak Bank pada tahun 2015 bagi memaklumkan kepada saya mengenai perubahan tersebut?**

J5: Tidak ada surat pemberitahuan yang dihantar untuk memaklumkan pelanggan mengenai perubahan Tarikh Kematangan pada tahun 2015. Walaubagaimanapun, bagi akaun-akaun yang tertakluk kepada semakan ansuran pada bulan Ogos 2015 dan yang seterusnya, surat-surat pemberitahuan perubahan ansuran telah dihantar kepada pelanggan-pelanggan.

**S6: Saya telah menerima Surat Pelanjutan Tarikh Kematangan daripada pihak Bank bertarikh 30 November 2020. Bagaimanakah saya boleh memaklumkan kepada pihak Bank mengenai pilihan yang dipilih untuk Tarikh Kematangan?**

J6: Untuk akaun Pembiayaan bagi pelanggan utama/pelanggan bersama atau di bawah nama syarikat, sila bawa borang dan diserahkan kepada cawangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank yang terdekat. Untuk pelanggan/pelanggan individu di bawah satu nama, anda boleh mengikuti langkah-langkah yang dinyatakan seperti di dalam surat kami dan juga melengkapkan borang DalamTalian di laman sesawang yang diberikan.

**S7: Saya mempunyai lebih daripada satu akaun pembiayaan di bawah nama saya sendiri. Bolehkah saya menghantar lebih daripada satu borang dalam talian?**

J7: Ya, anda boleh. Setiap akaun telah diberikan TAC unik dalam Surat Pelanjutan Tarikh Kematangan yang disediakan kepada anda. Anda dikehendaki memasukkan semula laman sesawang setiap kali selepas menghantar borang dalam talian. **Peringatan untuk memasukkan semula laman sesawang** sebelum anda meneruskan semula dari langkah 1 bagi TAC penghantaran akaun-akaun yang lain.

**S8: Adakah pelanjutan tarikh kematangan akan menjelaskan rekod CCRIS saya?**

J8: Tidak, pelanjutan tarikh kematangan ini tidak akan memberi kesan kepada rekod CCRIS anda.

**S9: Bolehkah saya memendekkan tempoh pembiayaan semasa atau membawa ke hadapan tarikh kematangan akaun pembiayaan saya?**

J9: Ya, anda boleh. Sila hubungi kami untuk bantuan dan memohon semakan jumlah ansuran berdasarkan tarikh kematangan pilihan anda.

Sila ambil perhatian bahawa setelah tarikh kematangan disahkan dan diterima oleh anda, sebarang pelanjutan tempoh pada masa hadapan adalah tertakluk kepada kelulusan Penstrukturran & Penjadualan Semula (R&R) di mana ia akan memberi kesan ke atas rekod CCRIS anda.

**S10: Saya memerlukan maklumat lanjut untuk akaun pembiayaan saya sebelum saya membuat keputusan pada tarikh matang.**

J10: Anda boleh menghubungi mana-mana cawangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank atau menghubungi Pusat Panggilan kami di 03-76268899 atau Pusat Kutipan Pelanggan di 603-79591888.